

Jenis Akhbar : Berita Harian Online
Tarikh : 29/12/2018
Edisi / Muka surat : www.bharian.com.my
Tajuk : Percepatkan Inkues Elak Persepsi Negatif - ANGKASA

Percepatkan Inkues Elak Persepsi Negatif - ANGKASA



Fattah (empat dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada Mohd Kassim (tiga dari kiri) di Kampung Tebengau, Kuala Kedah. - NSTP/Amran Hamid

ALOR SETAR: Kerajaan diminta mempercepatkan proses inkues bagi menentukan punca kematian anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim, 24, bagi mengelak wujud persepsi negatif yang melemahkan semangat penjawat awam khususnya anggota penyelamat dalam menjalankan tugas.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan (ANGKASA), Datuk Fattah Abdullah, berkata pembelaan sewajarnya harus dilaksanakan buat Muhammad Adib bagi mengembalikan keyakinan anggota penyelamat yang mungkin terkesan akibat insiden itu.

“Kita bersama 6.5 juta ahli ANGKASA mahukan pembelaan yang sewajarnya kerana tidak mahu adanya persepsi negatif dalam kalangan penjawat awam terhadap insiden yang berlaku.

“Ini kerana insiden yang menimpa Allahyarham boleh melemahkan semangat dalam kalangan penjawat awam khususnya anggota penyelamat, ” katanya pada sidang media selepas melawat keluarga Allahyarham di rumahnya di Kampung Tebengau, di sini, hari ini.

Fattah berkata, dalam lawatan itu, ANGKASA memberikan sumbangan sebanyak RM10,000 buat keluarga Muhammad Adib berikutan Allahyarham adalah ahli Koperasi Pekerja Bomba dan Penyelamat.

Katanya, ANGKASA prihatin terhadap mana-mana anggota koperasi yang ditimpa musibah. Muhammad Adib yang parah dipukul ketika insiden rusuhan di kuil Sri Maha Mariamman di Subang Jaya bulan lalu disahkan meninggal dunia pada jam 9.41 malam, di Institut Jantung Negara (IJN), 17 Disember lalu.

Muhammad Adib dipindahkan ke IJN selepas mengalami kecederaan parah akibat diserang susulan insiden rusuhan di kuil berkenaan pada 27 November lalu.

Pada masa sama, Fattah berkata, pihaknya juga mahu orang ramai meletakkan kepercayaan sepenuhnya kepada kerajaan khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menyelesaikan perkara terbabit.

Sementara itu, Fattah berkata, pihaknya bercadang untuk menyelaraskan pemberian sumbangan khairat kematian membabitkan semua 14,000 koperasi di seluruh negara bagi memudahkan pemberian bantuan.